

BAB 7 – PENINGKATAN TAMADUN CHINA**Halaman 146****MAHARAJA SHI HUANGDI (259 - 210 SM)**

Nama sebenarnya ialah Raja Zheng yang dilahirkan pada tahun 259 SM dan merupakan anak Raja Tzu-Ch'u. Apabila Raja Tzu-Ch'u meninggal dunia pada tahun 247 SM, Raja Zheng menjadi pemerintah kerajaan Qin. Walau bagaimanapun, kerana baginda muda, jawatan tersebut dipangku oleh keluarga diraja. Baginda hanya benar-benar memegang tampuk pemerintahan pada tahun 238 SM. Sewaktu berada di atas takhta, beliau dibantu oleh seorang penasihat yang bijaksana, iaitu Li Ssu.

Gabungan antara Raja Zheng dengan Li Ssu telah menaikkan kedudukan kerajaan Qin dan telah berjaya memperluas kuasanya dengan menguasai beberapa buah negeri lain. Terdapat tiga percubaan untuk membunuh Raja Cheng, namun ketiga-tiganya tidak berjaya.

Kejayaan ekspedisi ketenteraan Raja Zheng telah menyatukan China. Buat pertama kalinya, semua negeri berada di bawah satu pemerintahan, iaitu Dinasti Qin. Kemunculan Raja Zheng dilihat membawa pembaharuan dalam sistem pemerintahan di China sebagai seorang pemerintah yang unggul dan teragung. Bagi menonjolkan keagungan inilah beliau memakai gelaran Maharaja Shi Huangdi. Gelaran ini menunjukkan bahawa beliau adalah raja segala raja yang paling unggul di dunia.



Patung Maharaja Shi Huangdi.

Sewaktu pemerintahannya, kedudukan maharaja adalah yang paling tinggi dan mempunyai kuasa mutlak. Pusat kerajaan adalah di Xianyang (Hsien-yang). Maharaja Shi Huangdi telah menyusun sistem pentadbiran yang baik. Pelbagai jabatan kerajaan telah ditubuhkan seperti jabatan hal ehwal agama, hal ehwal istana, keselamatan dan pengangkutan.

Golongan tentera bukan sahaja terlibat dalam hal ehwal pertahanan semata-mata, malahan Maharaja Shi Huangdi turut melantik pemimpin tentera yang diserapkan dalam sistem pentadbiran. Keadaan ini telah mengeneipkan kedudukan golongan bangsawan yang sebelum ini menguasai hal ehwal pentadbiran sepenuhnya.

Kerajaan pula dipecahkan kepada beberapa wilayah bagi memudahkan pentadbiran. Laporan daripada pegawai wilayah akan dihantar kepada Maharaja Shi Huangdi. Wilayah pula dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil. Sistem ini dicadangkan oleh Li Ssu dan memberikan kesan baik kepada sistem pemerintahan Maharaja Shi Huangdi.

Bagi mengelakkan sebarang usaha menentanginya, Maharaja Shih Huangdi telah mengharamkan pembuatan senjata kecuali oleh pegawai kerajaan. Senjata-senjata dirampas dan dileburkan untuk dijadikan loceng dan 12 patung manusia bersaiz besar.

Maharaja Shi Huangdi juga telah bertindak untuk menyeragamkan sistem ukuran, menyatukan unit timbang dan sukat, menyeragamkan mata wang dan menyeragamkan tulisan. Usaha ini telah menyumbang kepada pembentukan sistem tulisan China moden pada hari ini.




Mata wang zaman Shih Huangdi.

Maharaja Shi Huangdi juga tidak membenarkan amalan dan idea-idea ahli falsafah China yang lain, kecuali aliran legalisme yang menekankan pelaksanaan undang-undang secara ketat. Oleh itu, Maharaja Shi Huangdi telah melaksanakan pembakaran buku yang dilihat mempunyai pandangan yang bertentangan dengan dasar kerajaan. Hanya buku perubatan, istiadat, pertanian dan rekod sejarah yang tidak dimusnahkan. Maharaja Shi Huangdi juga telah menangkap, memenjarakan dan membunuh sarjana yang tidak sehaluan dengan kerajaan.

Kekuatan pasukan tentera Maharaja Shi Huangdi telah membolehkan kerajaan ini muncul sebagai kerajaan yang terkuat di China dan berjaya memperluaskan kuasa. Namun begitu, Maharaja Shi Huangdi masih menerima ancaman daripada orang gasar dari bahagian utara China. Bagi mengelakkan ancaman ini, Maharaja Shi Huangdi telah mengarahkan buruh paksa untuk membina tembok pertahanan yang dikenali sebagai Tembok Besar China. Tembok ini mempunyai tiga fungsi utama iaitu:

1. Mengelakkan serangan musuh terutama orang gasar dari utara.
2. Membuka kawasan pertanian di sekitar tembok tersebut bagi meningkatkan pengeluaran.
3. Melindungi jalan perhubungan dan keselamatan pedagang.



Peta kedudukan Tembok Besar China.



Tembok Besar China.



Patung Terrakota.

Maharaja Shi Huangdi meninggal dunia pada tahun 210 SM sewaktu berusia 49 tahun. Berita kematiannya telah disembunyikan buat beberapa ketika bagi mengelakkan keadaan menjadi huru-hara. Sebuah kawasan perkuburan besar telah dibina. Penelitian ahli arkeologi kemudiannya mendapati bahawa kubur Maharaja Shi Huangdi mempunyai ribuan patung bersaiz manusia yang dikenali sebagai Terrakota. Selain patung tentera, terdapat juga patung kuda dan pedati kuda. Semasa pembinaan kubur tersebut, ramai yang telah terkorban. Golongan dayang istana dan pekerja pembinaan telah ditanam bersama-sama dengan mayat Maharaja Shi Huangdi bagi mengelakkan berlakunya pembocoran maklumat tentang kedudukan kubur tersebut.



Kawasan Terrakota.